

UUM Terbit Telefilem "Diari Kampus Biru"

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 18 Jun 2011 12:09

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Students

18 JUN 2011/16 REJAB 1432H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Hasniza Mustafa

Gambar Oleh: Muhammad Shamsul Shafie

UUM TERBIT TELEFILEM "DIARI KAMPUS BIRU"

UUM ONLINE: Sebuah telefilem hasil cetusan idea Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Dato' Dr Mohamed Mustafa Ishak akan diterbitkan tidak lama lagi menerusi saluran televisyen tempatan.

Telefilem yang bertajuk "Diari Kampus Biru" ini diterbitkan oleh UNIUTAMA Management Holding Sdn Bhd (UMHSB) iaitu sebuah syarikat milik penuh UUM dan UNIUTAMA Film Studio selaku Penerbit Eksekutif bagi telefilem ini.

Telefilem berdurasi 90 minit yang berkisar kehidupan siswa-siswi kampus ini membariskan pelakon-pelakon terkenal seperti Tomok, Wan Maimunah, Wan Nor Azlin, Muaz Muzik FM serta Fita Angela dari Indonesia akan diarahkan oleh Murali Abdullah.

Skrip telefilem genre Dramatik (kisah cinta) ini ditulis oleh Nassarudin Abdul Rasif@Ramli merupakan telefilem pertama diterbitkan oleh UUM melalui penglibatan anak syarikat universiti berkonsepkan aspirasi hidup dan cinta remaja yang sesuai untuk tontonan umum.

Penerbitan telefilem ini bertujuan untuk mempromosikan UUM di mata umum, khususnya bagi menarik lebih ramai pelajar dalam dan luar negara memilih UUM sebagai destinasi menuntut ilmu mereka.

Menariknya, telefilem ini juga menggarap paradoks cinta benci-sayang merentasi dua negara diantara siswa-siswi Malaysia-Indonesia di UUM.

Penerbitan telefilem ini juga membuka peluang kepada UNIUTAMA Film Studio, UUM, menceburkan diri dalam industri kreatif bagi memberi pendedahan kepada staf akademik dan pelajar UUM dalam bidang Komunikasi, Multi-media dan Teknologi Media mendalami selok-belok produksi telefilem dan filem.

Ini sekali gus bakal mendedahkan pelajar-pelajar UUM kepada industri kreatif dan perfileman negara. UUM berharap semoga inisiatif ini akan dapat melahirkan lebih ramai lagi tenaga profesional yang diperlukan dalam industri kreatif negara yang mempunyai masa depan yang sangat cerah.